

Edisi Sentral

'Rakyat kemuka masalah'

Oleh Ahmad Naim Tahir

Biro Pengaduan Awam bantu kerajaan negeri kenal pasti isu, dapatkan maklum balas kehendak masyarakat tempatan

REMBAU: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan meminta rakyat yang mempunyai masalah atau pandangan supaya menyalurkannya kepada kerajaan negeri melalui Biro Pengaduan Awam yang diwujudkan di setiap pejabat Jabatan Penerangan daerah.

Beliau berkata, maklum balas daripada akar umbi penting untuk membolehkan kerajaan mengenal pasti kehendak rakyat serta memperelokkan sebarang kekurangan yang ada.

"Jangan kerajaan saja beri maklumat... kita juga mesti dapat maklum balas daripada orang ramai dan tahu masalah akar umbi supaya dapat pastikan apa yang sudah dan akan dirancang seiring kehendak rakyat.

"Ini penting kerana tidak guna jika buat sesuatu projek di tempat yang salah. Kita mesti buat sesuatu di tempat tertentu yang disukai masyarakat di situ," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan dana kepada 33 Komuniti Bestari (K-Bestari) Negeri Sembilan di Dewan Orang Ramai Pedas Gaing, dekat sini, baru-baru ini.

Katanya, pengaduan awam disenaraikan sebagai satu daripada portfolio di bawah kerajaan negeri supaya rakyat tidak perlu lagi menyalurkan masalah mereka di media massa.

Mohamad berkata, kerajaan negeri bersikap proaktif dengan mewujudkan portfolio pengaduan awam yang diperluaskan sehingga ke peringkat daerah, mukim dan kampung melalui Jabatan Penerangan dan pejabat cawangannya.

"Segala aduan, masalah dan pendapat yang disalurkan rakyat akan dikumpul dan dibawa ke dalam mesyuarat pembangunan daerah seterusnya ke mesyuarat peringkat negeri.

"Kita akan kategorikan setiap masalah dan aduan itu dengan yang kecil boleh diselesaikan pada peringkat pegawai daerah atau wakil rakyat manakala yang perlu perhatian kerajaan negeri akan dikaji oleh kerajaan negeri," katanya.

Katanya, kemudahan itu yang diperluaskan daripada sistem aduan on-line Majlis Perbandaran Seremban (MPS) melalui e-mps juga membolehkan rakyat melihat perkembangan tindakan terhadap aduan yang dibuat mereka.

"Orang ramai boleh melihat secara on-line sejauh mana aduan mereka ditangani. Bagi yang tiada kemudahan komputer, boleh gunakan di pusat aktiviti K-Bestari kawasan masing-masing atau Pejabat Penerangan daerah," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan negeri sudah menasihatkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak lagi meluluskan penggunaan bahasa Inggeris untuk menamakan tempat awam, jalan atau taman perumahan baru.

"Kita sudah nasihatkan PBT guna bahasa Melayu... nama burung, buah-buahan atau bunga-bunga yang elok-elok, tetapi terpulang kepada PBT untuk membuat keputusan... kita sudah nasihatkan," katanya.